

BAB 6

PERBANDINGAN LIPUTAN KANDUNGAN BERITA HARIAN DAN UTUSAN MALAYSIA TERHADAP PILIHAN RAYA UMUM 1995 DAN 1999

6.1 - Pengenalan.

Bab 4 dan 5 dalam kajian ini banyak memaparkan isu, jumlah isi kandungan berita dan rencana pilihan raya.. Bab 6 pengkaji ingin membuat perbandingan di samping menghurai, mengupas dan menterjemahkan data analisis kandungan perbandingan secara serentak pada tahun 1995 dan 1999. Statistik dan analisis yang dibentangkan dalam bab ini adalah untuk menjawab empat persoalan kajian sebagaimana yang dikemukakan dalam Bab 1 kajian ini.

Bagi menjawab persoalan kajian, pengkaji menumpukan kepada data seperti jumlah berita disiarkan oleh dua akhbar ini dalam tempoh ditetapkan. Tumpuan lebih diberikan dalam aspek keutamaan sesebuah berita, susun atur sesebuah berita, sama ada berita utama dimuatkan muka depan atau berita utama, tetapi di kolumn lain, termasuk di bahagian tepi dan bawah muka depan sesebuah akhbar ataupun berita penyendal (tiga perenggan ke bawah). Tidak

ketinggalan jumlah berita yang dimuatkan sebagai berita utama muka lain serta berita halaman lain.

Kajian turut mengambil kira kategori sesebuah berita yang disiarkan dalam akhbar sama ada berita umum, rencana, surat pembaca, rencana pengarang dan lain-lain. Aspek lain ialah aspek sumber berita, penggunaan gambar, penulis berita termasuk pemberita akhbar dan kolumnis. Kategori perolehan berita juga ditumpukan kerana untuk melihat sejauh mana kerajaan BN atau pembangkang seperti PAS dan DAP menggunakan media massa untuk memancing undi.

Di samping itu, kajian ini juga mengenal pasti arah sesebuah berita dan tajuk berita sama ada ia lebih positif kepada BN atau pembangkang. Perhatian juga diberikan dalam aspek tema sepunya dalam sesebuah berita seperti tema agama, ekonomi, sosial, budaya dan politik.

6.2 – Analisis Kandungan Berita Harian dan Utusan Malaysia

Kajian mendapati 335 berita termasuk berita umum, rencana, surat pembaca dan rencana pengarang tentang pilihan raya disiarkan kedua-dua akhbar yang dikaji dalam tahun 1995 berbanding dengan

1,035 berita pada tahun 1999. Jadual 6.1 di bawah menunjukkan data tersebut:

Jadual 6.1 – Perbandingan Berita Pilihan Raya Dalam Akhbar

Akhbar	Jumlah Berita 1995	Peratus (%) 1995	Jumlah Berita 1999	Peratus (%) 1999
<i>Berita Harian</i>	90	26.87	498	48.1
<i>Utusan Malaysia</i>	245	73.13	537	51.88
Jumlah	335	100	1,035	100

Daripada Jadual 6.1, akhbar *Utusan Malaysia* menyiarakan lebih banyak bahan pilihan raya iaitu 245 ataupun 73.13 peratus berbanding dengan akhbar *Berita Harian* menyiarakan 90 atau 26.87 peratus berita pilihan raya umum 1995. Bagaimanapun, jumlah itu meningkat secara mendadak dalam pilihan raya umum 1999 apabila beberapa isu pilihan raya yang hangat mendapat tempat dalam kedua-dua media cetak ini. Antara isu terbabit ialah penubuhan Parti Keadilan Nasional (KEADILAN) oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Berikutan itu, bahan berita pilihan raya 1999 di *Berita Harian* meningkat daripada 90 (1995) kepada 498 (1999) dan berita *Utusan Malaysia* meningkat daripada 245 (1990) kepada 537 (1999). Dengan

itu, jumlah penyiaran berita dalam *Berita Harian* meningkat hampir lima kali ganda (daripada 99 kepada 498) dan berita *Utusan Malaysia* meningkat satu setengah (daripada 245 kepada 537). Jumlah itu meningkat kerana kerajaan BN pimpinan Dr Mahathir merasakan pembangkang terlalu kuat ketika pilihan raya 1999 berikutan isu pemecatan Datuk Seri Anwar. Akhbar nasional ini terutama *Berita Harian* menyiarkan lebih banyak bahan termasuk berita semasa dan rencana kerana rakyat mesti diberi penerangan sejelas-jelasnya tentang isu itu supaya mereka tidak keliru serta tidak mampu diputarbelitkan oleh parti pembangkang.¹

Pada masa yang sama juga, bukan sahaja berita banyak disiarkan membabitkan agenda politik tertentu, tetapi iklan membabitkan suasana politik semasa juga turut disiarkan hampir setiap hari, terutama menjelang seminggu sebelum membuang undi. Sebagai contoh iklan satu muka surat pada 27 November 1999 (Sabtu), akhbar

¹ Temubual dengan Meor Kamarul Shahid

Utusan Malaysia menyiaran iklan bertajuk Antara Dua Wajah mengandungi gambar dan istilah perbandingan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang digambarkan penuh kesetiaan dan ketaatan berbanding bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang berbagai wajah seperti pejuang Islam dan iman besar tetapi pada masa yang sama penghibur dan menari dengan seorang wanita.

Jika dikaji dan disemak tentang aspek keutamaan berita dalam akhbar, *Berita Harian* menyiaran lima ataupun 6.49 peratus sahaja berita muka depan tentang politik dan pilihan raya umum pada 1995, tetapi mencatatkan 10 ataupun 3.96 peratus berita utama muka depan dalam pilihan raya 1999. Ini menunjukkan berlaku penekanan berita muka depan dalam tempoh kempen pilihan raya pada 1999 dan peningkatan itu adalah 100 peratus. Akhbar *Utusan Malaysia* pula menunjukkan sedikit penurunan apabila hanya menyiaran 10 ataupun 1.99 peratus berita muka hadapan dalam pilihan raya umum 1999 dan 15 ataupun 6.6 peratus berita utama muka depan dicatatkan dalam pilihan raya umum 1995. Hanya 50 peratus peningkatan dalam *Utusan Malaysia*

Ini diikuti dengan jumlah berita yang dimuatkan di muka hadapan, tetapi bukan sebagai berita utama apabila *Berita Harian* mencatatkan tujuh berita pada 1995 dan jumlah meningkat kepada 11 ataupun 4.36 peratus bahan berita pada 1999. Begitu juga akhbar *Utusan Malaysia* apabila jumlah berita berkenaan agak sama antara 1999 dan 1995 apabila 26 ataupun 5.17 peratus berita dalam tempoh berkenaan pada 1999 berbanding 22 ataupun 9.8 peratus berita pada 1995.

Berita utama di halaman lain dalam suratkhabar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* menunjukkan *Berita Harian* mencatatkan jumlah tinggi apabila menyarkan 121 ataupun 48 peratus berita dalam pilihan raya umum 1999 berbanding 16 ataupun 20.7 peratus berita 1995. *Utusan Malaysia* juga menunjukkan peningkatan apabila 93 ataupun 18.5 peratus berita disiarkan pada pilihan raya umum 1999 dan 33 ataupun 14.7 peratus berita pada 1995. Lihat Jadual 6.2 di bawah ini.

Jadual 6.2 - Perbandingan Keutamaan Berita Dalam Akhbar

Keutamaan Berita	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1995	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1995	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1999	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1999
Berita Utama Muka Depan	15 (6.6%)	5 (6.49%)	10 (1.99%)	10 (3.96%)
Berita Utama Kedua	22 (9.8%)	7 (9 %)	26 (5.17%)	11 (4.36%)
Berita Utama Muka Lain	33 (14.7%)	16 (20.7%)	93 (18.52%)	121 (48%)
Berita Penyendal Atau Kaki (Tiga Perenggan)	----	4 (5.19%)	54 (10.7%)	36 (14.28%)
Berita Halaman Lain	155 (68.9%)	45 (58.4%)	319 (63.5%)	74 (29.36%)
Jumlah	225 (100%)	77 (100%)	502 (100%)	252 (100%)

Bentuk berita lain ialah berita penyendal (berita tiga perenggan, ke bawah) apabila *Berita Harian* pada 1995 hanya menyiaran empat ataupun 5.19 peratus berita berbanding 36 ataupun 14.28 peratus berita berbentuk berkenaan dan apa paling menarik ialah 54 ataupun 10.7 peratus berita disiarkan di *Utusan Malaysia* tetapi bentuk penulisan itu kurang digemari pada pilihan raya umum 1995. Ini kerana berita penyendal kurang penting serta tidak dapat menyampaikan

maksud kerana huraianya terlalu pendek serta pembaca kurang menggemarinya kerana berita utama memuatkan semua bahan berita yang penting.

Bahan berita paling banyak ialah berita halaman lain apabila *Berita Harian* mencatatkan 74 ataupun 29.36 peratus berita pada 1999 berbanding 45 ataupun 58.4 peratus berita pada 1995. *Utusan Malaysia* pula mencatatkan jumlah paling tinggi pada 1999 apabila 319 ataupun 63.5 peratus berita disiarkan pada 1999 dan diikuti 155 ataupun 68.9 peratus berita pada 1995.

Melihat perbandingan kategori berita, *Berita Harian* menyiarkan lebih 449 ataupun 92 peratus berita umum mengenai pilihan raya pada 1999 berbanding 71 atau 78.8 peratus pada 1995. *Utusan Malaysia* juga mencatatkan jumlah tinggi apabila menyiarkan 391 berita pada 1999 dan 173 ataupun 82.4 peratus dalam tahun 1995. Bagi bahan rencana, 14 ataupun 2.8 peratus bahan disiarkan dalam *Berita Harian* pada 1999 berbanding 16 ataupun 17.7 peratus pada pilihan raya umum 1995. Manakala, *Utusan Malaysia* juga menunjukkan peningkatan jumlah rencana yang disiarkan apabila 30 ataupun 5.6 peratus rencana tentang isu pilihan raya disiarkan pada

1999 dan 17 ataupun 8.1 peratus pada 1995. Ini bererti *Utusan Malaysia* lebih banyak menyiaran rencana bagi mempengaruhi pengundi supaya memilih kerajaan yang benar-benar boleh memerintah. Lihat Jadual 6.3 di bawah ini.

Jadual 6.3 - Perbandingan Kategori Berita

Kategori Berita	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia 1995</i>	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian 1995</i>	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia 1999</i>	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian 1999</i>
Berita Umum	173 (82.4%)	71 (78.8%)	391 (73.7%)	449 (92%)
Rencana	17 (8.1%)	16 (17.7%)	30 (5.6%)	14 (2.8%)
Surat Pembaca	—	—	28 (5.2%)	5 (1.0%)
Rencana Pengarang	14 (6.7%)	2 (2.2%)	9 (1.6%)	14 (2.8%)
Lain-lain (Profail, Kolumn dan Sebagainya)	6 (2.8%)	1 (1.1%)	72 (13.5%)	6 (1.2%)
Jumlah	210 (100%)	90 (100%)	530 (100%)	488 (100%)

Rencana pengarang *Berita Harian* pada pilihan raya umum 1995 hanya menyiaran 2 bahan ataupun 2.2 peratus berbanding 14 ataupun 2.8 peratus pada 1999. Bagaimanapun, *Utusan Malaysia* dilabelkan sebagai akhbar yang suka menyiaran rencana pengarang

membabitkan politik menyediakan 14 ataupun 6.7 peratus bahan rencana pengarang untuk tatapan umum pada tempoh kajian dibuat pada 1995 dan jumlah itu sama, iaitu 14 ataupun 2.8 peratus pada 1999.

Dalam perbandingan kategori berita ini, bahagian lain seperti kolumn, profil dan sebagainya juga digunakan oleh akhbar apabila *Berita Harian* mencatatkan 6 ataupun 1.2 peratus pada 1999 berbanding 1 ataupun 1.1 peratus pada 1995. Bagaimanapun, *Utusan Malaysia* pada 1999 menyiarkan 72 ataupun 13.5 peratus bahan itu untuk tempoh berkempen dalam pilihan raya umum 1999 berbanding 6 ataupun 2.8 peratus pada 1995.

Hasil kajian menunjukkan *Utusan Malaysia* banyak menyiarkan profil calon baru yang bertanding dalam pilihan raya umum 1999. Ini kerana, BN banyak mengemukakan senarai muka baru dalam pilihan raya umum 1999 sebagai usaha menarik perhatian pengundi di kalangan belia yang ketika itu kebanyakannya terbabit dalam gerakan reformasi yang didakwa ditaja dan dianjurkan oleh pengikut bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar. Oleh itu, media memainkan peranan untuk menonjolkan muka baru dan lama supaya mereka ini mendapat tempat di kalangan pengundi di negara ini.

Mengikut kajian ini, peranan ini banyak dimainkan oleh *Utusan Malaysia* berbanding *Berita Harian*. Ini boleh dilihat dengan jelas berdasarkan jumlah penyiaran berita berbentuk berkenaan dalam kajian ini.

Jadual 6.4 - Perbandingan Sumber Dalam Berita

Sumber Dalam Berita	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1995	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1995	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1999	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1999
Perdana Menteri	27 (9%)	7 (7.69%)	57 (12%)	32 (7.9%)
Timbalan Perdana Menteri	15 (5%)	7 (7.69%)	32 (6.7%)	19 (4.73%)
Menteri	101 (33.7%)	4 (4.3%)	106 (22.3%)	140 (34.9%)
Timbalan Menteri	20 (6.6%)	21 (23.1%)	23 (4.8%)	13 (3.24%)
Ahli Akademik	1 (0.33%)	1 (1%)	12 (2.5%)	14 (3.49%)
Lain-lain	65 (21.7%)	37 (40%)	145 (30.5%)	163 (40.6%)
Sumber Tidak Dinyatakan	70 (23.4%)	14 (15.4%)	99 (20.8%)	20 (4.98%)
Jumlah	299 (100%)	91 (100%)	474 (100%)	401 (100%)

Dalam bahagian perbandingan sumber berita, *Berita Harian* menyiaran lebih 32 ataupun 7.9 peratus berita daripada sumber

ataupun kenyataan daripada Perdana Menteri pada pilihan raya umum 1999 berbanding 7 ataupun 7.69 peratus 1995. *Utusan Malaysia* menyarkan 57 ataupun 12 peratus bahan berita membabitkan kenyataan daripada Perdana Menteri pada 1999 dan 27 ataupun 9 peratus pada 1995. Ini menunjukkan kenyataan Perdana Menteri lebih banyak menghiasi dada akhbar sebelum rakyat negara ini mengundi dalam pilihan raya umum 1999 yang dianggap sebagai pilihan raya yang agak kontroversi berikutan pemecatan pemimpin nombor dua negara iaitu timbalannya sendiri. Lihat Jadual 6.4 di atas.

Bagaimanapun, kenyataan Timbalan Perdana Menteri juga menghiasi halaman akhbar apabila *Berita Harian* mencatatkan 19 berita ataupun 4.73 peratus pada 1999 dan hanya 7 bahan ataupun 7.69 peratus disiarkan pada 1995. *Utusan Malaysia* pula sering mendahului *Berita Harian* apabila menyarkan 32 ataupun 6.7 peratus pada 1999 berbanding dengan 15 ataupun 5 peratus bahan berita pada 1995. Tetapi dalam tempoh kajian ini, Menteri diberi banyak peluang untuk bercakap tentang politik apabila *Berita Harian* pada 1999 menyarkan 140 ataupun 34.9 peratus bahan berita yang sumbernya daripada Menteri. Pada 1995, jumlah itu agak berkurangan apabila mencatatkan 21 ataupun 23.1 peratus apabila

media massa ketika itu tidak banyak menyiaran berita mengenai pilihan raya berbanding pada 1999.

Sumber berita daripada Menteri yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, bagaimanapun menunjukkan sedikit persamaan apabila 106 ataupun 22.3 peratus pada 1999 berbanding 101 ataupun 33.7 peratus pada 1995. Ini menunjukkan *Utusan Malaysia* banyak memberi peluang ataupun ruang kepada golongan lain selain Menteri bagi menghiasi halaman akhbaranya. Kebanyakan sumber berita tidak dinyatakan dikesan paling tinggi menghiasi *Utusan Malaysia* apabila mencatatkan 99 ataupun 20.8 peratus pada 1999 dan jumlah itu juga tinggi pada 1995, iaitu 70 ataupun 23.4 peratus. Ini diikuti dengan *Berita Harian* yang menyiaran 20 ataupun 4.98 peratus pada 1999 dan 14 ataupun 15.4 pada 1995.

Bagi sumber daripada Timbalan Menteri, *Berita Harian* pada 1999 hanya memberi ruang 13 ataupun 3.24 peratus kepada Timbalan Menteri bercakap mengenai pilihan raya berbanding 21 ataupun 3.24 peratus menghiasi akhbar itu dalam tempoh berkenaan pada 1995. *Utusan Malaysia* menyediakan bahan berita sebanyak 23 ataupun 4.8 peratus berdasarkan kenyataan Timbalan Menteri berbanding 20 ataupun 6.6 peratus pada 1995.

Manakala sumber berita daripada kumpulan akademik juga berkurangan pada 1995 apabila *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* menunjukkan satu bahan yang merujuk kepada sumber berita daripada kalangan tokoh akademik. Ini terbukti apabila *Berita Harian* pada 1995 menyiaran satu bahan ataupun 1 peratus dan *Utusan Malaysia* juga menyiaran satu bahan berita ataupun 0.33 peratus pada tempoh yang sama.

Bagaimanapun, tokoh akademik mendapat tempat pada pilihan raya umum 1999 apabila beberapa tokoh akademik diberi kepercayaan untuk bertanding di kerusi Parlimen seperti Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan sekarang, Datuk Mahathir Mat Khir, bekas pensyarah di Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya yang diberi kepercayaan bertanding di kawasan Parlimen Sungai Petani, Kedah dan menang dalam pilihan raya berkenaan. Oleh yang demikian, tokoh akademik mendapat tempat dalam suratkhabar sebelum pilihan raya 1999 berlangsung dan ia mencatatkan 14 ataupun 3.49 peratus disiarkan dalam *Berita Harian* dan 12 ataupun 2.5 peratus pada 1999.

Dalam kajian ini juga, berita daripada pelbagai sumber yang sukar dinyatakan secara tepat juga diambil kira apabila *Berita Harian* menyiaran 163 ataupun 40.6 peratus pada akhbar dalam pilihan raya 1999 berbanding 37 ataupun 40.6 peratus pada 1995 dalam sumber lain-lain membabitkan pihak yang kurang penting dan tidak diutamakan. Manakala, *Utusan Malaysia* pula menyiaran 145 ataupun 30.5 peratus bahan pada 1999 berbanding 65 ataupun 21.7 peratus sepanjang tempoh itu.

Surat khabar memerlukan gambar bagi memastikan bahan yang disediakan lebih mudah difahami di samping dapat mempengaruhi pengundi ketika membuang undi. Oleh itu, pengkaji turut meneliti penggunaan gambar membabitkan jumlah gambar yang digunakan dalam usaha menarik perhatian rakyat negara ini supaya membuang undi serta menyokong parti kerajaan yang memerintah. *Berita Harian* hanya menyiaran 8 ataupun 1.6 peratus gambar berunsur berita pada 1999 dan tiada gambar bagi kategori itu pada 1995.

Bagaimanapun, *Utusan Malaysia* pada 1999 banyak menyiaran gambar apabila 20 ataupun 3.77 peratus dan satu gambar ataupun 0.4 peratus pada 1995. *Berita Harian* banyak

memainkan peranan dengan menyiarkan 107 ataupun 21.67 peratus pada 1999 dan 66 ataupun 29.5 peratus pada 1995. Jumlah berita tidak bergambar memang banyak disiarkan dalam *Berita Harian* apabila mencatatkan 380 ataupun 76.7 peratus pada 1999 dan 54 ataupun 60.6 peratus pada 1995. Selepas itu, *Utusan Malaysia* juga menyiarkan 372 ataupun 70.1 peratus berbanding 157 ataupun 70.1 peratus. Lihat Jadual 6.5 di bawah.

Jadual 6.5 - Perbandingan Penggunaan Gambar

Penggunaan Gambar	Jumlah Gambar/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1995	Jumlah Gambar/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1995	Jumlah Gambar/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1999	Jumlah Gambar/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1999
Gambar Berita	1 (0.4%)	-	20 (3.77%)	8 (1.6%)
Berita Bergambar	66 (29.5%)	35 (39.3%)	138 (26.03%)	107 (21.61%)
Berita Tidak Bergambar	157 (70/1%)	54 (60.6%)	372 (70.1%)	380 (76.76%)
Jumlah	224 (100%)	89 (100%)	530 (100%)	495 (100%)

Setiap berita yang dipaparkan mesti mempunyai penulisnya.

Oleh yang demikian, pengkaji turut mengambil kira penulis berita dalam kajian ini kerana menurut amalan persuratkhabaran, bukan semua berita yang disiarkan itu ditulis oleh pemberita di akhbar

mereka, tetapi juga membabitkan golongan lain seperti berita daripada Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), kolumnis serta bahan daripada pembaca.

Jadual 6.6 - Perbandingan Penulis Berita

Penulis Berita	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Utusan Malaysia 1995</i>	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Berita Harian 1995</i>	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Utusan Malaysia 1999</i>	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Berita Harian 1999</i>
Pemberita Akhbar	240 (99.2%)	88 (97.7%)	433 (80.4%)	475 (97.1%)
Kolumnis	2 (0.8%)	1 (1.1%)	16 (2.97%)	10 (2.0%)
Bernama	—	—	38 (7.06%)	4 (0.8%)
Lain-lain	—	1 (1.1%)	51 (9.47%)	
Jumlah	242 (100%)	90 (100%)	538 (100%)	489 (100%)

Dalam hal ini, *Berita Harian* memaparkan 475 ataupun 97.1 peratus berita yang ditulis oleh pemberita akhbar berkenaan pada 1999 dan 88 ataupun 97.7 peratus pada 1995. Lihat Jadual 6.6 di atas, *Utusan Malaysia* juga tidak kurang menggunakan pemberita mereka dalam menyediakan berita apabila 433 ataupun 80.4 peratus pada 1999 berbanding 240 ataupun 99.2 peratus pada 1995. Sudah menjadi kebiasaan *Berita Harian* kurang menyediakan bahan

berbentuk kolumnis berbanding *Utusan Malaysia*. Tetapi *Berita Harian* pada 1999 lebih banyak memberi ruang kepada kolumnis bagi mengutarakan hujah mereka terutama dalam bahan berbentuk rencana. Ini terbukti apabila 10 ataupun 2 peratus bahan disediakan oleh kolumnis dalam tempoh pilihan raya 1999 berbanding satu bahan ataupun 1.1 peratus pada 1995. Apa sekalipun, *Utusan Malaysia* sering mendahului *Berita Harian* dalam menyediakan bahan berita berbaur politik dalam akhbarnya terutama ketika berhadapan dengan pilihan raya apabila 16 ataupun 2.9 peratus pada 1999 berbanding dua bahan ataupun 0.8 peratus pada 1995.

Arah berita adalah elemen yang sangat penting dalam membentuk sesebuah berita. Ia akan bertukar arah apabila bahan berita itu mempunyai kepentingan tertentu bagi memastikan ia selaras dengan dasar sesebuah akhbar berkenaan. Dasar sesebuah akhbar pula bergantung kepada pengarang akhbarnya sama ada ia memihak kepada kerajaan memerintah ataupun menyokong kepada pergerakan parti pembangkang. Lihat Jadual 6.7 di bawah ini.

Jadual 6.7 - Perbandingan Arah Berita

Arah Berita	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1995	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1995	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1999	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1999
Positif BN	96 (39.2%)	42 (46.6%)	293 (55.7%)	321 (64.4%)
Negatif Pembangkang	54 (22%)	12 (13.3%)	104 (19.77%)	85 (17.06%)
Seimbang	75 (30.6%)	21 (23.3%)	101 (19.20%)	85 (17.06%)
Neutral	20 (8.2%)	15 (16.6%)	28 (5.32%)	7 (1.40%)
Jumlah	245 (100%)	90 (100%)	526 (100%)	498 (100%)

Hal ini jelas dalam kajian ini apabila bahan berita yang positif kepada BN begitu ketara dipaparkan apabila *Berita Harian* menyiarkan 321 ataupun 64.4 peratus dalam tempoh kajian selama 9 hari dalam pilihan raya 1999 berbanding *Utusan Malaysia* yang menyiarkan 293 ataupun 55.7 peratus dalam 10 hari berkempen. Bagi tahun 1995, kedua-dua akhbar ini juga memainkan peranan penting apabila *Utusan Malaysia* menyiarkan 96 ataupun 39.2 peratus pada 1995 berbanding *Berita Harian* yang hanya menyiarkan 42 ataupun 46.6 peratus pada tahun yang sama.

Bagaimanapun, *Utusan Malaysia* memainkan peranan lebih banyak dalam membuat liputan negatif kepada pembangkang apabila menyarkan lebih 104 berita ataupun 19.77 peratus dalam 1999 berbanding *Berita Harian* dalam tahun yang sama hanya menyarkan 85 ataupun 17.06 peratus sahaja. Pada 1995, *Utusan Malaysia* hanya menyarkan 54 ataupun 22 peratus dan *Berita Harian* hanya menyarkan 12 ataupun 13.3 peratus bahan memaparkan berita negatif kepada barisan pembangkang. Data di atas menunjukkan berlaku pengurangan jumlah berita negatif disiarkan dalam kedua-dua akhbar walaupun jumlah berita pilihan raya bertambah pada tahun 1999.

Utusan Malaysia juga menyarkan 101 berita ataupun 19.2 peratus berita seimbang pada 1999 dan *Berita Harian* memainkan peranan yang sama apabila 85 ataupun 17 peratus pada 1999. *Utusan Malaysia* turut menjalankan tanggungjawab itu pada 1995 apabila 75 ataupun 30.6 peratus bahan seimbang disediakan dan *Berita Harian* juga menyediakan 21 ataupun 23.3 peratus pada tempoh itu.

Keadaan itu membuktikan bahawa kedua-dua akhbar nasional dan perdana ini juga tidak ketinggalan menyediakan bahan berita yang boleh diterima semua kalangan masyarakat negara ini dalam usaha memberi kefahaman kepada rakyat supaya memilih kerajaan yang baik dan bijaksana. Paparan berita neutral juga mendapat tempat di dua akhbar ini dalam usaha melariskan jualan suratkhabar mereka.² Ini kerana bahan berita ini mampu menarik perhatian semua pihak kerana industri suratkhabar juga memerlukan keuntungan selain menyokong parti memerintah. Ini jelas dalam kajian ini, apabila *Berita Harian* menyediakan 7 ataupun 1.4 peratus sahaja berita bercorak begini berbanding *Utusan Malaysia* yang menyediakan 28 ataupun 5.32 peratus bahan sedemikian.

Bagaimanapun, pilihan raya 1995 tidak sehangat pilihan 1999, dengan hanya 15 ataupun 16.6 peratus bahan berita neutral disiarkan dalam *Berita Harian* berbanding 20 ataupun 8.2 peratus pada 1995,

² Temubual dengan Meor Kamarul Shahid.

Jadual 6.8 - Perbandingan Arah Tajuk

Arah Tajuk	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1995	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1995	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1999	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1999
Positif BN	96 (39.2%)	42 (46.6%)	293 (55.7%)	321 (64.4%)
Negatif Pembangkang	59 (24.3%)	12 (13.3%)	104 (19.77%)	81 (16.26%)
Seimbang	54 (22.2%)	23 (25.5%)	95 (18.06%)	89 (17.87%)
Neutral	35 (14.4%)	12 (13.3%)	36 (6.84%)	13 (2.61%)
Jumlah	245 (100%)	90 (100%)	526 (100%)	498 (100%)

Pengamal media massa berpendapat bahawa tajuk memainkan peranan penting dalam menggambarkan keseluruhan berita berkenaan. Tajuk juga menyebabkan pembaca tertarik untuk membeli ataupun terus membenci akhbar berkenaan. Ini sudah dinyatakan oleh Ketua Biro Berita Harian dan Utusan Malaysia Kelantan di Bab 4 dan 5.

Oleh itu, kajian ini turut mengambil kira tentang arah tajuk sesebuah berita dalam usaha memantapkan rumusan kajian analisis kandungan ini. Hasil kajian mendapati *Berita Harian* menyiarkan tajuk berita positif sebanyak 321 ataupun 64.4 peratus pada pilihan raya 1999 berbanding *Utusan Malaysia* 293 ataupun 55.7 peratus pada tahun yang sama. Bagi 1995, *Utusan Malaysia* banyak menyiarkan tajuk berita yang positif apabila mencatatkan 96 ataupun 39.2 peratus dan *Berita Harian* hanya 42 ataupun 46.6 peratus pada tahun berkenaan.

Utusan Malaysia sekali lagi berjaya menarik perhatian pembacanya apabila menyiarkan 104 ataupun 19.77 peratus tajuk negatif, terutama kepada parti pembangkang pada 1999 berbanding *Berita Harian* yang hanya menyiarkan 81 ataupun 16.26 peratus dalam tempoh kajian 1999. Pada tahun 1995, *Utusan Malaysia* juga mendahului *Berita Harian* apabila 59 ataupun 24.3 peratus tajuk disiarkan dalam akhbar berkenaan adalah bersifat negatif disusuli dengan *Berita Harian* apabila menyiarkan 12 ataupun 13.3 peratus dalam tempoh kajian berkenaan.

Oleh sebab, akhbar memainkan peranan sebagai menyebarkan fikiran rakyat, *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* turut

menyiarkan tajuk berita seimbang bagi memastikan usaha itu berkesan dalam menawan hati rakyat. Desakan itu menyebabkan *Berita Harian* menyiaran tajuk berita seimbang sebanyak 81 ataupun 17.8 peratus pada 1999 tetapi *Utusan Malaysia* masih lagi tinggi apabila 95 ataupun 18 peratus disiarkan. Kajian mendapati *Utusan Malaysia* menyiaran 54 ataupun 22.2 peratus pada 1995 dan *Berita Harian* menyiaran 23 ataupun 25.5 peratus. Tajuk berita ataupun rencana bersifat neutral juga mendapat tempat apabila *Utusan Malaysia* menyiaran 36 ataupun 6.84 peratus berbanding *Berita Harian* hanya 13 ataupun 2.6 peratus pada kajian 1999. Dalam perkara yang sama pada 1995, *Utusan Malaysia* menyiaran 35 ataupun 14.4 peratus dan *Berita Harian* menyiaran 12 ataupun 13.3 peratus dalam kajian terbabit. Lihat Jadual 6.8 di atas.

Berdasarkan data dalam Jadual 6.7 – Perbandingan Arah Berita dan Jadual 6.8 – Perbandingan Tajuk Berita menunjukkan bahan berita positif BN banyak dilaporkan. Ini selaras dengan kenyataan oleh Timbalan Pengerusi Eksekutif *Utusan Malaysia*,

Zainuddin Maidin mengaku bahawa mirip akhbarnya: *we are biased – but we don't doctor or concoct news*" dalam Majalah Asia Week pada 3 Disember 1999.³ Kenyataan itu disokong oleh kajian Dr Abdul Latiff Abu Bakar dalam kajiannya dalam pilihan raya 1959 hingga 1964, sehingga sekarang, akbar yang dikuasai oleh syarikat Utusan Melayu Sdn Bhd seperti UM (yang asal) dan *Utusan Malaysia* (rumi) masih mempunyai format yang sama apabila membuat liputan Pilihan Raya Persekutuan. Ruangan rencana pengarang dan rencana ditulis dengan tujuan menyokong rancangan pembangunan kerajaan Perikatan (Barisan Nasional) dan mengkritik rancangan dan dasar parti pembangkang.

Pengkaji mengambil satu data daripada kedua-dua jadual ini untuk membuktikan ketidak seimbangan liputan berita seperti Jadual 6.7 menunjukkan 293 ataupun 55.7 peratus *Utusan Malaysia* menyiar bahan berita positif BN pada 1999 dan *Berita Harian* juga menyiar 321 ataupun 64.4 peratus pada 1999. Bahan positif itu ditambah lagi dengan publisiti negatif terhadap pembangkang yang

³ Arjuna Ranawana and Santha Oojitham, A Hardball Campaign, Asia Week, 3 Disember 1999, Kuala Lumpur dan Kamaruddin Jaffar, Pilihan Raya 1999 dan Masa Depan Politik Malaysia, Ikdas Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 2000, hlm18.

mencatatkan 104 ataupun 19.77 peratus dalam *Utusan Malaysia* dan 85 ataupun 17.06 peratus dalam *Berita Harian*. Jika dicampurkan dengan dua kategori arah berita positif BN dan negatif pembangkang, keputusannya masih tidak seimbang dengan berita seimbang dan neutral yang dipaparkan oleh kedua-dua akhbar itu. Ini kerana berita seimbang hanya 101 ataupun 19.20 peratus dan 28 ataupun 5.32 peratus berita neutral dalam *Berita Harian* dan 85 ataupun 17.06 peratus bahan seimbang dan 7 ataupun 1.40 peratus dalam *Utusan Malaysia* dalam kajian pada tahun 1999. Ini menjawab persoalan kajian pertama bahawa *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* telah membuat liputan tidak seimbang serta lebih berpihak kepada kerajaan dan parti komponen BN dalam menghadapi pilihan raya 1995 dan 1999 di Kelantan.

Aspek penulisan bukan sahaja berita mampu membuat orang berfikir, tetapi rencana juga memainkan peranan menerang, memujuk dan mempengaruhi minda masyarakat, terutama pengundi dalam konteks kajian ini untuk membuat penilaian sebelum membuang undi. Kajian ini juga menyediakan perbandingan jenis penulisan rencana yang diutarakan dalam *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*.

Jadual 6.9 - Perbandingan Jenis Penulisan Rencana

Jenis Penulisan Rencana	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1995	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1995	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1999	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1999
Penjelasan	20 (80%)	4 (30.7%)	18 (35.29%)	6 (28.57%)
Penceritaan	2 (8%)	3 (33%)	7 (13.72%)	9 (42.8%)
Hujahan	2 (8%)	5 (38.4%)	18 (35.29%)	6 (28.57%)
Pembujukan	1 (4%)	1 (7.6%)	8 (15.68%)	—
Jumlah	25 (100%)	13 (100%)	51 (100%)	21 (100%)

Rencana yang membabitkan hujah mendapat tempat dalam *Utusan Malaysia* apabila 18 ataupun 35.2 peratus bentuk rencana berkenaan disiarkan pada 1999 berbanding 6 ataupun 28.5 peratus dalam *Berita Harian*. Bahan rencana berbentuk penjelasan juga begitu banyak disiarkan dalam *Utusan Malaysia* pada 1999 apabila 18 ataupun 33.2 peratus berbanding 6 ataupun 28.5 peratus pada kajian berkenaan.

Jadual 6.10 - Perbandingan Kategori Perolehan Berita

Kategori Perolehan Berita	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1995	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1995	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1999	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1999
Kenyataan Akhbar	24 (9.8%)	3 (3.33%)	35 (6.65%)	11 (2.31%)
Sidang Akhbar	52 (21.3%)	14 (15.73%)	146 (27.75%)	65 (13.68%)
Majlis Perasmian	58 (23.8%)	20 (22.47%)	70 (13.30%)	60 (12.63%)
Ceramah	18 (7.4%)	4 (4.49%)	44 (8.36%)	52 (10.94%)
Temuramah	43 (17.6%)	12 (13.48%)	34 (6.46%)	8 (1.68%)
Peristiwa	36 (14.8%)	20 (22.47%)	129 (24.52%)	241 (50.73%)
Komentar	13 (5.3%)	16 (17.97%)	68 (12.92%)	38 (8 %)
Jumlah	244 (100%)	89 (100%)	526 (100%)	475 (100%)

Merujuk kepada Jadual 6.10, pengkaji mendapati kebanyakan sumber berita yang dijadikan bahan berita diperolehi wartawan dalam sidang akhbar dan majlis perasmian. Ini disebabkan pemimpin ataupun menteri sentiasa mengeluarkan kenyataan akhbar bagi menjawab sesuatu isu ataupun sengaja ingin mempopularkan diri mereka ataupun parti kerana kejayaan perlu dicapai ketika hari pengundian pilihan raya. Ini jelas apabila 146 bahan berita ataupun 27.75 peratus yang disiarkan oleh *Utusan Malaysia* menjelang

pilihan raya sumbernya diperolehi menerusi sidang akhbar pada 1999 dan *Berita Harian* juga mencatatkan angka yang tinggi apabila 65 bahan berita ataupun 13.6 peratus diperolehi menerusi sumber yang sama.

Kebanyakan sumber sidang akhbar itu diadakan oleh pemimpin kerajaan dan parti selepas menghadiri sesuatu majlis. Kekerapan mereka menghadiri sesuatu majlis jelas apabila 70 bahan berita ataupun 13.3 peratus diperolehi dalam majlis perasmian yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia* dan 60 ataupun 12.63 diperolehi dari *Berita Harian* dalam tahun 1999. Sumber berita menerusi sidang akhbar juga popular apabila pada 1995, *Utusan Malaysia* menyiaran 52 bahan berita ataupun 21.3 peratus diperolehi menerusi sidang akhbar dan diikuti *Berita Harian* hanya menyiaran 14 ataupun 15.73 peratus pada tahun yang sama. Sumber berita dari majlis perasmian juga mencatatkan 58 ataupun 23.8 peratus pada 1995 berbanding 20 bahan berita ataupun 22.47 peratus pada tahun yang sama.

Antara sumber berita lain yang popular dalam kajian ini ialah peristiwa yang merangkumi pelbagai sumber untuk mendapat bahan bagi disiarkan dalam akhbar yang terbabit dalam kajian ini. Sebagai contoh, pada 1999, *Utusan Malaysia* menyiaran 129 bahan berita

ataupun 24.52 peratus dengan menggunakan sumber dari kategori peristiwa. Begitu juga dengan *Berita Harian* apabila menggunakan sumber berita daripada peristiwa untuk menghiasi dada akhbar apabila 241 bahan berita ataupun 50.73 peratus diperolehi daripada sumber membabitkan peristiwa.

Selain itu, sumber berita lain yang turut mendapat perhatian dalam kajian ini ialah ceramah apabila 52 bahan berita ataupun 10.94 peratus diperolehi dari ceramah yang dihadiri oleh wartawan dan diterjemahkan menjadi berita dalam *Berita Harian* pada pilihan raya 1999 dan *Utusan Malaysia* juga mencatatkan jumlah yang tinggi apabila 44 bahan berita ataupun 8.36 peratus diambil menerusi ceramah. Tidak ketinggalan juga sumber berita menerusi temuramah juga mendapat tempat di kalangan wartawan apabila 68 bahan berita ataupun 12.92 peratus diperolehi daripada kategori berita komentar dalam *Utusan Malaysia* pada 1999 dan *Berita Harian* juga mempunyai 38 bahan berita ataupun 8 peratus menerusi sumber yang sama. Pada 1995 juga kaedah memperoleh berita menerusi kategori berita komentar juga mendapat perhatian apabila 13 bahan berita ataupun 5.3 peratus disiarkan dalam *Berita Harian* pada 1995 dan 13 bahan berita ataupun 5.3 peratus dalam *Utusan Malaysia*.

Jadual 6.11 – Perbandingan Tema Sepunya

Tema Sepunya	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1995	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1995	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1999	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1999
Politik	141 (59.2%)	49 (55%)	399 (72.1%)	439 (88.1%)
Ekonomi	26 (10.9%)	7 (7.8%)	49 (8.86%)	28 (5.62%)
Sosial	57 (24%)	27 (30.7%)	52 (9.4%)	19 (3.8%)
Budaya	4 (1.7%)	1 (1.1%)	20 (3.61%)	4 (0.8%)
Agama	10 (4.2%)	5 (5.6%)	33 (5.96%)	8 (1.6%)
Jumlah	238 (100%)	89 (100%)	553 (100%)	498 (100%)

Setiap berita mempunyai tema tersendiri. Lihat Jadual 6.11 di atas. Bagaimanapun, hasil kajian mendapat tema politik mendapat tempat dalam setiap berita yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* pada 1995 mahupun 1999. Tema politik mendapat tempat apabila *Berita Harian* mendahului perkara itu dengan menyiaran 439 bahan berita ataupun 88.1 peratus dalam pilihan raya 1999 dan *Utusan Malaysia* pula menyiaran 399 bahan berita ataupun 72.1 peratus berita bertemakan politik dalam usaha

menyampaikan mesej kepada rakyat. Tema yang sama juga diberi perhatian lebih pada 1995 apabila *Berita Harian* menyarkan 49 bahan berita ataupun 55 peratus pada 1995 dan *Utusan Malaysia* menyarkan 141 ataupun 59.2 peratus pada tahun yang sama membabitkan pilihan raya.

Tema ekonomi juga menjadi sandaran dalam kajian ini apabila bahan berita bertemakan ekonomi mendapat tempat dalam *Utusan Malaysia* apabila 49 ataupun 8.86 peratus disiarkan bahan itu pada 1999 dan 28 bahan berita ataupun 5.62 peratus pada 1999 dalam *Berita Harian*. Bagaimanapun, dalam kajian ini *Utusan Malaysia* didapati cenderung menyarkan berita yang bertema agama berbanding *Berita Harian* apabila 33 bahan berita ataupun 5.96 peratus yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia* bertema agama dan 8 bahan berita ataupun 1.6 peratus dalam *Berita Harian*. Perbandingan itu juga boleh dilihat dengan jelas pada 1995 apabila *Berita Harian* menyarkan hanya lima bahan berita ataupun 5.6 peratus dan *Utusan Malaysia* menyarkan 10 bahan berita ataupun 4.2 peratus pada tahun berkenaan.

Tema sosial juga diambil kira oleh pengarang dalam konteks penyiaran berita apabila 52 bahan berita ataupun 9.4 peratus

disiarkan dalam *Utusan Malaysia* dan 19 bahan berita ataupun 3.8 peratus pada 1999 bertemakan aspek sosial. Tema itu juga banyak ditekankan dalam tahun 1995 apabila *Utusan Malaysia* mendahului senarai apabila 57 bahan berita ataupun 24 peratus dan *Berita Harian* hanya memaparkan 27 bahan berita ataupun 30.3 peratus dalam tahun 1995.

Melihat tema budaya dalam pilihan raya, *Utusan Malaysia* banyak menggunakan tema itu untuk berkempen ketika menjelang hari pengundian oleh rakyat di seluruh negara. Ini jelas apabila 20 bahan berita ataupun 3.61 peratus berita yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia* menggunakan tema itu pada 1999. *Berita Harian* juga hanya menyiaran empat bahan berita ataupun 0.8 peratus menggunakan tema yang sama pada 1999. Sama juga pada 1995, pengkaji mendapati tema budaya tetap tidak ditinggalkan walaupun berkempen dalam politik apabila *Utusan Malaysia* menggunakan empat ataupun 1.7 peratus pada 1995 dan *Berita Harian* hanya menyiaran satu bahan ataupun 1.1 peratus bagi jumlah keseluruhan bahan berita dalam kajian ini.

Secara keseluruhannya, jumlah bahan termasuk berita semasa dan rencana banyak disiarkan dalam pilihan raya umum 1999

kerana terlalu banyak isu ditimbulkan oleh pembangkang sehingga menyebabkan akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* digunakan sepenuhnya oleh BN untuk menjelaskan semua isu yang ditimbulkan kepada rakyat. Ini dapat dilihat apabila jumlah bahan siaran, termasuk berita semasa, rencana dan rencana pengarang meningkat tiga kali ganda daripada 335 bahan pada 1995 kepada 1,035 bahan pada pilihan raya 1999.

Peningkatan itu juga meningkat dari segi kategori berita apabila berita umum disiarkan lebih banyak pada 1999 apabila *Utusan Malaysia* menyiarkan 391 dan *Berita Harian* menyiarkan 449 berita umum berbanding hanya 71 bahan berita disiarkan *Berita Harian* dan 173 di *Utusan Malaysia* pada pilihan raya 1995.

Oleh kerana isu pada 1999 agak besar, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad lebih kerap membuat kenyataan akhbar dalam pelbagai majlis bagi menjawab pelbagai isu menjelang pilihan raya 1999. Lebih 57 kenyataan akhbar dibuat oleh Perdana Menteri dalam *Utusan Malaysia* pada 1999, diikuti Timbalan Perdana Menteri membuat 32 kenyataan dan menteri membabitkan 106 kenyataan akhbar dalam pelbagai majlis. Jumlah itu agak besar berbanding dengan 27 kenyataan Perdana Menteri dalam pilihan raya

1995 dalam akhbar yang sama. *Berita Harian* juga menunjukkan peningkatan menyiaran berita bersumberkan Perdana Menteri apabila menyiaran 32 bahan berita terutama berita semasa berbanding 7 bahan berita pada pilihan raya 1995. Jumlah berita bersumberkan menteri juga menunjukkan peningkatan apabila *Berita Harian* menyiaran 140 bahan berita pada 1999 berbanding 4 bahan berita pada 1995.

Selain itu, kajian juga mendapati pemberita sesebuah akhbar digunakan sepenuhnya untuk menghasilkan berita untuk siaran akhbar masing-masing walaupun berita yang disalurkan oleh Bernama digunakan oleh pengarang *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia*. Analisis kandungan ini juga menunjukkan pemimpin BN banyak membuat sidang akhbar dan mengatur program tertentu bagi menjawab sesuatu isu. Ini terbukti apabila 146 berita yang disiarkan diperoleh wartawan di sidang akhbar dan 70 daripada majlis perasmian pada 1999 di dalam *Utusan Malaysia*. Lihat Jadual 6.10. Sebanyak 65 bahan berita disiarkan berdasarkan sumber daripada sidang akhbar dan 60 majlis perasmian dalam *Berita Harian* pada 1999. Jumlah itu berkurangan pada 1995 apabila *Utusan Malaysia* menyiaran 52 bahan berita dan 15 disiarkan dalam *Berita Harian* berdasarkan sumber sidang akhbar. Begitu juga, sumber daripada

majlis perasmian, *Utusan Malaysia* menyiarkan 58 bahan berita dan 20 disiarkan oleh *Berita Harian* pada pilihan raya 1995.

6.3 Kesimpulan

Kajian mendapati arah berita yang positif kepada kerajaan BN dikesan lebih banyak disiarkan apabila *Berita Harian* menyiarkan 321 dan *Utusan Malaysia* membabitkan 293 bahan berita pada pilihan raya 1999 berbanding 42 bahan berita dalam *Berita Harian* dan 96 bahan berita pada *Utusan Malaysia* pada 1995 seperti yang dinyatakan dalam Jadual 6.7 dan 6.8 di atas.

Melihat kepada jumlah itu serta bukti dalam Jadual 6.11 – Perbandingan Tema Sepunya mendapati tema politik dalam akhbar *Utusan Malaysia* pada tahun 1995 ialah 141 ataupun 59.2 peratus berbanding 26 ataupun 10.9 peratus tema ekonomi dan 57 ataupun 24 peratus tema sosial, amat sedikit jumlah tema agama 10 ataupun 4.2 peratus serta tema budaya 4 ataupun 1.7 peratus dipaparkan dalam media massa. Pada tahun 1999, dalam *Berita Harian*, 439 ataupun 88.1 peratus bahan bertemakan politik berbanding 28 ataupun 5.62 peratus tema ekonomi, 19 ataupun 3.8 peratus tema sosial, tema agama hanya mencatatkan 8 ataupun 1.6 peratus dan 4 ataupun 0.8

peratus tema budaya. Jumlah bahan berita dan rencana itu yang bertemakan politik dalam tempoh kajian membuktikan *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* memang banyak memaparkan bahan berita politik dalam tempoh berkempen berkenaan bagi membolehkan pengundi di Kelantan menilai dan membuat keputusan yang bijak dalam pilihan raya umum.

Bagaimanapun, apa yang terjadi walaupun kedua-dua akhbar ini banyak menyiaran berita, termasuk berita semasa, rencana dan rencana pengarang positif kepada BN tetapi rakyat Kelantan masih belum tertarik untuk memahami dan mengambil semua fakta yang disiarkan dalam kedua-dua akhbar berkenaan seterusnya menyokong BN. Ini jelas apabila PAS berjaya mengekalkan kuasa pemerintahan di Kelantan pada pilihan raya 1995 selepas memenangi pilihan raya umum 1990 dengan bantuan gagasan APU, tetapi pada pilihan raya 1995, PAS terus mengekalkan kuasanya walaupun berlaku perpecahan dengan gagasan APU. Perpecahan dengan APU membolehkan PAS bersekongkol dengan KEADILAN pada 1999 membolehkan PAS terus kukuh dan bertambah mantap penguasaanya di Kelantan. Semua ini menjawab persoalan kajian kedua pengkaji iaitu akhbar arus perdana *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* masih gagal mempengaruhi minda rakyat Kelantan supaya menyokong BN ataupun

khususnya UMNO dalam pilihan umum 1995 dan 1999 sekalipun kedua-dua akhbar ini bersungguh-sungguh serta bercita-cita besar untuk mempengaruhi minda kelompok pengundi supaya mempercayai paparan berita terutama ketika pilihan raya umum.

Secara keseluruhannya, jelas bahawa hasil kajian perbandingan analisis kandungan bagi membuktikan walaupun liputan tidak seimbang (*imbalanced*) serta laporan banyak berpihak kepada kerajaan dan parti komponen BN dalam pilihan raya 1995 dan 1999 di Kelantan tetapi pengundi di Kelantan dalam keadaan semula jadi mempunyai kemampuan memilih sesuatu mengikut kehendak mereka sendiri jika pengundi mahukan perubahan seperti yang dinyatakan dalam *Theory Spiral of Silence* dalam Bab 1.